

NO. SOALAN: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]
TARIKH : 19 MEI 2016
SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila Kementerian akan memberi peruntukan untuk menyelesaikan masalah kemudahan di Hospital Duchess of Kent Sandakan seperti berikut :-

- (a) dua buah lif yang rosak, hanya satu boleh berfungsi serta hanya satu ambulans boleh berjalan panjang, sekurang-kurangnya diperlukan 7 buah ambulans ; dan
- (b)mesin dialysis yang tidak mencukupi di hospital serta pengubahsuaian dewan pembedahan yang belum lagi selesai.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjamin mutu perkhidmatan dan penyampaian kesihatan yang berkesan kepada rakyat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha bagi menambahbaik kemudahan di fasiliti-fasiliti kesihatan termasuk di Hospital Duchess of Kent Sandakan. KKM juga telah meluluskan peruntukan bagi menambahbaik kemudahan di Hospital Duchess of Kent Sandakan antaranya yang melibatkan

kerja-kerja penggantian lif, naiktaraf Dewan Bedah, penambahan peralatan perubatan dan ambulans serta lain-lain kemudahan di hospital berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan masalah lif, Hospital Duchess of Kent Sandakan dilengkapi dengan sembilan (9) unit lif di tiga (3) blok bangunan berasingan di hospital berkenaan. Kementerian mengambil maklum berkenaan masalah pengoperasian lif di hospital berkenaan terutamanya lif di Blok Pakar. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah meluluskan secara keseluruhannya peruntukan berjumlah RM 1.7 juta bagi penggantian tiga (3) unit lif di Blok Pakar dan pelaksanaannya adalah secara berfasa di mana satu (1) unit lif telah siap diganti pada tahun 2015 manakala baki dua (2) unit lif lagi akan mula diganti pada tahun ini. Buat masa ini, status operasi bagi tiga (3) unit lif di Blok Pakar hospital berkenaan adalah seperti berikut :

1. Lif no. 1 - Masih berfungsi dan digunakan. Permohonan peruntukan bagi penggantian lif telah diluluskan Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Ke-11;
2. Lif no.2 - Tidak berfungsi disebabkan oleh kerosakan major. Permohonan peruntukan bagi penggantian lif telah diluluskan Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Ke-11;
3. Lif no.3 - Masih berfungsi dan digunakan. Telah siap dinaiktaraf pada tahun 2015.

Bagi perkhidmatan Dewan Bedah pula, secara keseluruhannya Hospital Duchess of Kent Sandakan dilengkapi dengan lapan (8) unit Dewan Bedah yang terletak di tiga (3) buah blok bangunan berasingan. Bagi menjamin penyampaian perkhidmatan

perubatan yang baik kepada masyarakat di daerah Sandakan khususnya, Kementerian telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 500 ribu untuk menaiktaraf kemudahan Dewan Bedah pada tahun 2015 dan kerja-kerja menaiktaraf tersebut melibatkan empat (4) buah Dewan Bedah. Sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf tersebut, empat (4) buah Dewan Bedah tersebut telah ditutup dan operasi Dewan Bedah ditampung oleh empat (4) buah Dewan Bedah yang lain. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf Dewan Bedah tersebut oleh kontraktor yang dilantik telah tidak berjalan dengan baik dan Kementerian telah memutuskan untuk menamatkan perkhidmatan kontraktor yang tersebut. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah melantik kontraktor yang baru bagi memastikan kerja-kerja menaiktaraf Dewan Bedah tersebut dapat disiapkan dengan sempurna dan jangkaan kesiapan kerja adalah sebelum penghujung tahun 2016.

Bagi kemudahan hemodialisis pula, Hospital Duchess of Kent Sandakan mempunyai sejumlah tiga puluh (30) unit mesin hemodialisis, manakala jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan serta perkhidmatan hemodialisis daripada daerah Sandakan dan daerah yang berdekatan adalah berjumlah seratus dua puluh (120) dan sebanyak tiga (3) sesi rawatan sehari dikendalikan oleh pihak hospital. Buat masa ini, bilangan mesin hemodialisis di Hospital Duchess of Kent Sandakan adalah mencukupi. Walaubagaimanapun, KKM akan mempertimbangkan untuk menambah unit mesin hemodialisis sekiranya terdapat keperluan bagi menampung pertambahan bilangan pesakit pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kemudahan ambulans di Hospital Duchess of Kent Sandakan pula, buat masa ini secara keseluruhannya hospital tersebut mempunyai lima (5) buah ambulans. Walaubagaimanapun, daripada jumlah tersebut, sebanyak dua (2) buah ambulans telah mengalami kerosakan major akibat kemalangan, manakala tiga (3) buah ambulans lagi masih berfungsi. Oleh yang demikian, atas keperluan yang mendesak, Kementerian telah memutuskan untuk mengagihkan satu (1) buah

ambulans baru kepada hospital berkenaan dan pembaikan ambulans yang terlibat dalam kemalangan akan dilaksanakan dengan kadar segera. Pihak Kementerian sedar dan mengambil maklum berkenaan masalah kekurangan ambulans di Hospital Duchess of Kent Sandakan dan masalah tersebut bukan sahaja berlaku di Hospital Duchess of Kent Sandakan, malahan terdapat lain-lain fasiliti kesihatan yang turut mengalami masalah sedemikian. Sehubungan dengan itu, pada tahun ini Kementerian telah dan akan mengagihkan sejumlah dua ratus (200) buah ambulans baru bagi kegunaan fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, empat puluh tujuh (47) buah ambulans baru diperuntukkan bagi kegunaan fasiliti-fasiliti kesihatan di Negeri Sabah.